

GSMA Mengumumkan Butiran Bantuan Awal yang Diberikan Melalui Tunai Mudah Alih untuk Program Tiada Perkhidmatan Bank

LONDON, 16 September/PRNewswire/ --

- GSMA Semakin Mencapai Matlamat Mewujudkan Jaminan Kewangan untuk 20 juta Tanpa Perkhidmatan Bank mulai 2012

GSMA, sebuah badan yang mewakili industri komunikasi mudah alih sedunia, hari ini mengumumkan butiran empat penerima pertama bantuan daripada Tunai Mudah Alih untuk Kumpulan Wang Perkhidmatan Tanpa Bank (MMU), yang ditadbir oleh Pertubuhan GSMA, Inc., serta dibiayai oleh Yayasan Bill & Melinda Gates. Operator pertama yang akan menerima bantuan itu berada di merata negara serta merangkumi AXIS di Indonesia, Oi di Brazil, Roshan di Afghanistan dan SMART Communications di Filipina.

"Ruang lingkup projek ini begitu memberangsangkan kerana ia bukan setakat memberikan perkhidmatan tunai mudah alih kepada yang tiada perkhidmatan bank, tetapi juga satu peluang untuk meningkatkan cara hidup keseluruhan komuniti dan menjalankan urusan niaga dari segi membantu mereka mencapai kestabilan, meningkatkan ekonomi dan memupuk peluang keusahawanan," kata Gavin Krugel, Pengarah GSMA. "Saya berbesar hati dapat bekerja dengan syarikat ini dan yang lain dalam pada kita terus berusaha untuk membina jaminan kewangan dan suatu identiti buat mereka yang paling kurang bernasib baik dalam masyarakat kita serta berusaha ke arah matlamat kami untuk menjangkau 20 juta orang yang tiada perkhidmatan bank melalui perkhidmatan mudah alih mulai 2012."

Projek AXIS mDUIT ialah suatu penempatan khidmat baru di Indonesia dan akan dilancarkan pada bulan Disember. AXIS mempunyai peluang yang signifikan untuk membekal mereka yang tiada perkhidmatan bank melalui mudah alih di Indonesia kerana hanya 40 juta dari keseluruhan jumlah populasi negara itu yang mempunyai akaun bank, sementara 90 juta orang pelanggan telefon bimbit. AXIS akan menawarkan serangkaian perkhidmatan kepada para pelanggan melalui mudah alih, termasuk pembayaran, simpanan dan kredit.

Melalui perkhidmatan yang dicadangkan, operator Brazil, Oi, berhasrat untuk menyediakan akses perkhidmatan asas bank dan menggalakkan pembangunan kepada individu yang tinggal dalam komuniti berpendapatan rendah dan terpencil. Perkhidmatan yang dicadangkan itu juga akan membolehkan mereka menerima bantuan kebajikan, membuat kiriman wang domestik dan membeli produk di kedai-kedai yang mengambil bahagian. Pilihan untuk mengeluarkan tunai juga sedang dipertimbangkan.

Membina suatu rangkaian pengagihan yang berupaya untuk berkembang

dan mengendalikan pelanggan di negara yang sedang berperang merupakan fokus utama operator Afghanistan, Roshan. Pada masa ini, 97% warga Afghanistan tidak dapat mengakses perkhidmatan bank tradisional kerana 76% daripada mereka menetap di luar pusat bandar utama. M-Paisa akan menyediakan perkhidmatan tunai mudah alih kepada usahawan luar bandar, wanita, institusi awam dan swasta, dan mereka yang daif.

Program Pengaktifan Komunikasi Kepulauan SMART di Filipina, akan memanfaatkan mereka yang berada di kepulauan atau lokasi tanah besar terpencil atau yang tiada akses ke perkhidmatan kewangan dan bekalan elektriknya terhad. SMART berazam untuk membangunkan ekonomi terpencil dengan cara menjangkau mereka yang kurang dan tiada perkhidmatan bank dan membolehkan pelanggan menghantar dan menerima kiriman wang domestik, menambah nilai e-dompet, membayar bil atau menghantar wang melalui Platform Wang SMART.

Program MMU disokong oleh bantuan US\$12.5 juta daripada Yayasan Bill & Melinda Gates dan bekerjasama dengan operator mudah alih, bank, institusi mikro kewangan, kerajaan dan organisasi pembangunan untuk menggalakkan pengembangan perkhidmatan kewangan mudah alih yang boleh dipercayai dan mampu untuk mereka yang tiada perkhidmatan bank. Bantuan MMU wujud untuk memacu penempatan tunai mudah alih yang menyasarkan pengguna terbawah dalam piramid yang tiada perkhidmatan bank dan sedang menimbangkan aplikasi daripada operator seluruh dunia.

Mengenai GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 negara, GSMA menyatukan lebih 800 operator mudah alih dunia, selain daripada lebih 200 syarikat dalam ekosistem mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat gagang tangan, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi media dan hiburan. GSMA menumpukan kepada perekaan baharu, pemupukan dan mewujudkan peluang baharu untuk keahliannya, semua ini dengan matlamat akhir untuk menggalakkan pertumbuhan industri komunikasi mobil.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati <http://www.gsmworld.com>

Sumber: GSMA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: GSMA, Daniel Lowther: +44-7747-636-687, press@gsm.org .